

Isu Kuan Yew tidak jejas hubungan

PUTRAJAYA: Hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura masih baik walaupun timbul sedikit 'kekecohan' berikutan kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew bahawa masyarakat Cina negara ini dipinggirkan secara sistematik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau tidak nampak 'kekecohan' yang timbul berikutan kenyataan Lee itu memberi kesan yang ketara terhadap hubungan dua hala.

"Selain masalah baru-baru ini, ia (hubungan dua hala) masih sama. Tidak nampak kesan lain, cuma itulah masalah hari ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF), di sini, semalam.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, beliau tidak mahu lagi membuat sebarang kenyataan tambahan terhadap Singapura atau Lee.

"Saya tidak akan membuat sebarang kenyataan lagi... saya sudah menyatakan apa yang patut saya nyatakan," katanya ketika ditanya sama ada isu itu sudah ditutup.

Abdullah berkata, mesyuarat Kabinet kelmarin sudah membuat pendirian mengenai isu itu seperti dilaporkan akhbar semalam.

Mesyuarat Jemaah Menteri itu menyokong penuh pendirian Abdullah menolak alasan Lee, berhubung kenyataannya bahawa masyarakat Cina Malaysia dipinggirkan secara sistematik dan kesal kerana Lee mengulangi kenyataan asal yang bersifat perkauman.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, mengingatkan bekas pemimpin Singapura itu supaya lebih berhati-hati dan tidak mengulangi kenyataan yang bersifat sensitif.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, tindakan Lee itu tidak boleh dipandang mudah dan bekas pemimpin republik itu harus memahami pendirian Malaysia berhubung isu berkenaan.

'Tidak wajar untuk pemimpin negara lain campur tangan hal dalaman negara ini dan sebagai pemimpin yang bertanggungjawab sepatutnya jangan bangkitkan isu sensitif dengan mengapi-apikan perasaan rakyat berbilang kaum,' katanya selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.